

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT MALAYSIA
BIL. 1/2010

Tarikh : 31 Mac 2010.
Masa : 9.00 pagi.
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Ibu Pejabat,
Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.

Senarai Kehadiran:

- | | | |
|-----|-----------------------------------|--|
| 1. | Dato' Kapt. Ahmad bin Othman | Ketua Pengarah Laut
(Pengerusi) |
| 2. | Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid | Wakil Pengurusan Kualiti/
Timbalan Ketua Pengarah |
| 3. | Hj. Ahmad Khairuddin bin Ismail | Pengarah Bahagian
Kawalan Industri |
| 4. | En. Khairudin bin Abbas | Timbalan Wakil Pengurusan
Kualiti/Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan |
| 5. | En. Zulkurnain bin Ayub | Pengarah Institut Latihan
Pentadbiran & Pengurusan
Pengangkutan Laut |
| 6. | En. Roslee bin Mat Yusof | Pengarah Laut Wilayah
Utara |
| 7. | En. Hazman bin Hussein | Pengarah Laut Wilayah
Tengah |
| 8. | En. Rosnan bin Fathlul | Pengarah Laut Wilayah Selatan |
| 9. | Hj. Rossid bin Musa | Pengarah Laut Wilayah Timur |
| 10. | En. Arumugam a/I V.S. Subramaniam | Wakil Pengarah Bahagian
Keselamatan Pelayaran |
| 11. | Kapt. Nazri bin Abu Hassan | Wakil Pengarah Bahagian Hal
Ehwal Pelaut dan Pelabuhan |
| 12. | En. Conway Beddie | Wakil Pengarah Laut Wilayah
Persekutuan Labuan & Laut
China Selatan |

- | | | |
|-----|-----------------------------|-----------------------------|
| 13. | En. Julyus Mobilik | Wakil Pengarah Laut Sarawak |
| 14. | En. Alimuddin bin Amirudin | Wakil Pengarah Laut Sabah |
| 15. | En. Yusnan Abdul Rani | Urusetia |
| 16. | Cik Norhayati binti Ibrahim | Urusetia |

1. Perutusan Pengerusi.

1.1 Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran pengarah-pengarah bahagian dan wilayah ke mesyuarat ini.

1.2 Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa MAMPU telah mengarahkan supaya sambutan Hari Kualiti ditukarkan kepada Hari Inovasi. Ini adalah untuk meningkatkan budaya inovasi di dalam perkhidmatan awam dan disambut pada 31 Oktober setiap tahun.

1.3 Arahan tersebut juga memerlukan Unit Inovasi diwujudkan. Garispanduan pewujudan unit tersebut boleh diperolehi dari laman sesawang (website) MAMPU.

2. Pengesahan Agenda Mesyuarat.

2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya, mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

3. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 2/2009.

3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Bil. 2/2009 yang telah diadakan pada 10 September 2009 disahkan dengan pindaan. Pindaan minit mesyuarat adalah seperti berikut:

- i. Senarai kehadiran – Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid tidak hadir dengan maaf.
- ii. Hal-hal Lain – Pengarah ILPPPL telah siap menyediakan dokumen kualiti bagi Proses Pengendalian Kursus. ILPPPL akan mengambil tindakan selanjutnya bagi melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti di ILPPPL bagi proses tersebut.

4. Perkara-perkara Berbangkit.

4.1 Maklumbalas yang diterima dari Bahagian HEPP – Kesemua 24 pejabat pelabuhan telah dibekalkan perkakasan dan peranti SDPX. Namun Pejabat Pelabuhan Port Dickson belum dapat beroperasi sepenuhnya disebabkan masalah talian TM.

Tindakan: Pengarah Bahagian HEPP.

4.2 Maklumbalas yang diterima dari Bahagian HEPP:

- i. Pengeluaran COC pada tahun 2009 adalah sebanyak 5,487 perakuan. Peningkatan yang amat ketara dilihat pada penggal ketiga dan keempat dengan jumlah pengeluaran sebanyak 3,746 perakuan.
- ii. Pengeluaran COC pada tahun 2009 meningkat sebanyak 64.57% berbanding tahun 2008 iaitu sebanyak 3,011 perakuan yang dikeluarkan.
- iii. Pada penggal pertama sehingga bulan Februari 2010, dicatatkan pengeluaran COC telah mencecah sebanyak 1,442 perakuan, iaitu 26.28% dari jumlah yang dikeluarkan sepanjang tahun 2009.

Tindakan: Makluman.

4.3 Maklumbalas yang diterima dari Bahagian HEPP:

- i. Peratusan pengeluaran COC sepanjang tahun 2009 dalam tempoh masa 30 hari adalah 78.59%. Dimana sebanyak 1,175 perakuan dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari iaitu 21.41%.
- ii. Dalam bulan Januari dan Februari 2010, dicatatkan peratusan pengeluaran COC dalam tempoh 30 hari telah meningkat ke 92.37% dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1,442 perakuan. Peratusan ini dijangka akan meningkat pada tahun ini (2010) melalui perlaksanaan kursus kepada kakitangan Jabatan dan pembelajaran kemahiran yang berterusan.

Tindakan: Pengarah Bahagian HEPP.

4.4 Maklumbalas yang diterima dari Bahagian HEPP:

- i. Pengeluaran sijil modular sepanjang tahun 2009 adalah sebanyak 8,565 sijil. Peratusan pencapaian pengeluaran sijil dalam tempoh kurang dari 7 hari adalah 97.47%. Faktor kelewatan adalah disebabkan :
 - a. Pejabat pelabuhan kehabisan stok.
 - b. Pihak sekolah lewat menghantar laporan pengesahan kehadiran kepada pejabat pelabuhan.
- ii. Sebanyak 442 kursus telah dijalankan di ALAM dan dari itu sebanyak 4,594 sijil telah dicetak. Daripada jumlah itu dicatatkan sebanyak 231 kursus yang dijalankan lewat mencetak sijil kursus modular.

- iii. Tuan Pengerusi mencadangkan supaya dibuat pemeriksaan mengejut kepada ALAM kerana telah dibenarkan untuk mencetak sijil tetapi jumlah sijil yang dicetak dalam tempoh 7 hari adalah rendah.
- iv. Tuan Pengerusi juga mencadangkan supaya ciri-ciri keselamatan seperti *watermark* pada sijil sentiasa ditukar bagi mengelakkan penipuan atau pemalsuan.

Tindakan: Pengarah Bahagian HEPP.

4.5 Maklumbalas yang diterima dari Bahagian Keselamatan Pelayaran:

- i. Cadangan pindaan objektif kualiti.
 - a. Memastikan kerja-kerja ukur hidrografi dilaksanakan mengikut jadual dimana 12 kawasan alur pelayaran akan diukur dalam tempoh satu tahun.
 - b. Memastikan kerja-kerja pengerukan di bawah Program Rancangan Malaysia dilaksanakan mengikut spesifikasi dan peruntukan kewangan serta siling yang diluluskan.
 - c. Memastikan kerja-kerja ukur hidrografi dilaksanakan secara bersama dengan kontraktor bagi setiap projek pengerukan untuk semua peringkat kerja ukur hidrografi iaitu *pre-survey*, *post-survey*, *intermediate survey* dan *as build survey*.
- ii. Tuan Pengerusi meminta supaya cadangan perenggan c disemak semula supaya ia benar-benar menepati objektif kualiti yang diperlukan.

Tindakan: Pengarah Bahagian BKP.

5. Laporan Audit Kualiti Dalam.

5.1 Mesyuarat dimaklumkan audit kualiti dalaman telah dilaksanakan di 5 lokasi iaitu Jabatan Laut Wilayah Tengah (Port Klang), Jabatan Laut Wilayah Timur, Jabatan Laut W.P. Labuan, Jabatan Laut Wilayah Utara (K. Perlis & Kuah) dan IPL (Pemaliman, perakuan Pelaut dan Pendaftaran Kapal).

5.2 Tiada ketakakuran dibangkitkan di Jabatan Laut Wilayah Timur. Hanya ketakakuran di Pejabat Pelabuhan Kuah telah ditutup manakala yang lain masih berstatus buka.

5.3 Tuan Pengerusi mohon kerjasama semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Wilayah supaya dapat memastikan semua ketakakuran yang telah

dibangkitkan dapat ditutup dalam tempoh yang telah dipersetujui oleh auditee dan auditor.

Tindakan: Pengarah Wilayah/Urisetia.

5.4 Mesyuarat dimaklumkan auditan seterusnya dijangka akan dijalankan pada bulan Mei 2010.

Tindakan: Urusetia.

6. Laporan Audit Kualiti Luaran

6.1 Mesyuarat dimemaklumkan bahawa audit kualiti luaran dan juga merupakan audit pembaharuan sijil telah dilaksanakan pada 28 September – 1 Oktober 2009. Kesemua pejabat pelabuhan telah memperolehi sijil ISO 9001:2008.

6.2 Hasil dari auditan tersebut, terdapat 5 ketakakuran Minor dan 1 ketakakuran RC yang masih belum dapat ditutup.

6.3 5 ketakakuran Minor adalah seperti berikut :

- i. 0909CKF01 – Penggunaan borang penyerahan dari pejabat pelabuhan ke IPL. Berdasarkan kepada sistem SDPX, pejabat pelabuhan tidak lagi perlu menggunakan borang tersebut.

Bahagian HEPP telah mengeluarkan notis kepada semua wilayah. Kajian semula proses kerja sedang dalam tindakan Bahagian HEPP.

- ii. 0909CKF02 – Terdapat 8 orang juruaudit kualiti dalaman masih belum menghadiri Kursus Awareness ISO 9001:2008.

Wakil Pengurusan Kualiti telah mengadakan kursus tersebut pada 26 Januari 2010 dan kesemua juruaudit yang terlibat telah hadir.

- iii. 0909CKF03 - Penggunaan logo LRQA/UKAS di sijil dan dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan adalah tidak dibenarkan dan bercanggah dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh LRQA.

Bahagian HEPP telah mengeluarkan notis larangan penggunaan logo tersebut.

- iv. 0910OCL01- Tidak menandakan senarai semak yang digunakan semasa memproses permohonan CoC.

Bahagian HEPP telah mengeluarkan notis peringatan kepada semua pejabat pelabuhan supaya memastikan senarai semak ditandakan.

- v. 0910OCL02 – Kebanyakan pusat latihan maritim masih belum diaudit lebih dari setahun berdasarkan kepada Jadual Audit yang telah disediakan.

Jadual audit pusat latihan maritim telah disemak semula bagi membolehkan semua pusat latihan maritim diaudit mengikut jadual pada akhir tahun 2009.

6.4 1 ketakakuran RC.

- i. RC – 0906CKF03

Pejabat Pelabuhan Miri tidak menyediakan Laporan Pencapaian Objektif Kualiti bagi tahun 2009.

Dalam tindakan Jabatan Laut Sarawak. Dijangkakan tindakan akan diambil sebelum 26 April 2010.

Tuan Pengerusi mengarahkan mengarahkan supaya Urusetia hadir ke Pejabat Pelabuhan Miri bagi memastikan ketakakuran tersebut dapat ditutup.

Tindakan: Pengarah Laut Sarawak/Urusetia.

6.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa auditan seterusnya akan dijalankan pada 26 – 28 April 2010. Lokasi yang terlibat adalah Jabatan Laut Wilayah Timur.

6.6 Di IPL tema audit kali ini adalah berkenaan dengan penambahbaikan pengurusan projek pengerukan dan penambahbaikan pelaksanaan sistem SDPX di pejabat pelabuhan. Tuan Pengerusi memaklumkan supaya Bahagian dan Wilayah yang terlibat dapat mengambil tindakan sewajarnya supaya audit berjalan lancar dan sempurna.

Tindakan: Pengarah Bahagian dan Wilayah Timur.

6.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Continual Improvement Tracking Log bagi pengeluaran sijil Kursus Modular akan ditutup pada audit yang akan datang. Mesyuarat bersetuju supaya pemantauan tersebut digantikan dengan Proses Pendaftaran Kapal.

Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri/Urusetia.

7. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.

7.1 Bahagian Kawalan Industri.

7.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal – Objektif kualiti pendaftaran kapal dari bulan Januari hingga Disember 2009 adalah tercapai. Bagi tahun 2009 sebanyak 249 urusan pendaftaran kapal telah dilaksanakan di semua pejabat pelabuhan daftar iaitu Port Kelang, Penang, Kuching dan Kota Kinabalu.

7.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM – Sebanyak 57 buah syarikat telah diaudit bagi tempoh September hingga Disember 2009. Terdapat sebuah syarikat iaitu OSM Shipmanagement Pte. Ltd. tidak mencapai objektif kualiti yang ditetapkan. Pengeluaran DOC bagi syarikat ini mengambil masa selama 22 hari. Begitu juga dengan tarikh permohonan audit dan tarikh audit yang didapati tidak tepat dimana tarikh permohonan (16 September 2009) adalah selepas tarikh audit (1 Julai 2009). Tuan Pengerusi meminta supaya Pengarah Bahagian Kawalan Industri membuat semakan terhadap kelewatan dan kekeliruan tersebut.

Tindakan: Pengarah Bahagian Kawalan Industri.

7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

7.2.1 Mengadakan peperiksaan sijil kecekapan laut sekurang-kurangnya 2 kali setahun – sebanyak 65 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 23 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan bagi Oktober hingga Disember 2009. Bagi tempoh Januari – Februari 2010 terdapat 59 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 50 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses. Objektif kualiti tercapai.

7.2.2 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima – sebanyak 375 calon peperiksaan bahagian dek dan 182 calon peperiksaan bahagian enjin telah diproses bagi Oktober hingga Disember 2009. Manakal bagi tempoh Januari – Februari 2010 sebanyak 242 calon bahagian dek dan 100 calon bahagian enjin. Objektif kualiti yang ditetapkan telah dicapai.

Tindakan: Makluman.

7.2.3 Mengeluarkan sijil kecekapan dalam masa 30 hari dari tarikh permohonan diterima – sejumlah 2,404 permohonan diterima bagi tempoh Oktober hingga Disember 2009. Sebanyak 452 sijil kecekapan dikeluarkan melebihi tempoh 30 hari. Peratus pencapaian adalah 81.2%. Objektif kualiti tidak tercapai kerana tempoh penghantaran dokumen adalah terlalu bergantung kepada sistem sokongan dari sistem penghantaran melalui pos dan juga terdapat permohonan yang

tidak lengkap. Pertukaran kepada sistem SDPx juga melewati proses pengeluaran sijil tersebut kerana hanya terdapat 2 mesin pencetak dan 2 kakitangan yang terlibat dengan proses tersebut.

7.2.4 Mengeluarkan Sijil Kursus Modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima – sebanyak 1,780 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 1,738 sijil dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja manakala 42 sijil dikeluarkan melebihi tempoh tersebut. Peratus pencapaian adalah 97.64%. Ini adalah kerana:

- a. pejabat pelabuhan kehabisan stok sijil.
- b. pihak sekolah lewat menghantar laporan pengesahan kehadiran kepada pejabat pelabuhan.

7.2.5 Tuan Pengerusi mencadangkan supaya ada alternatif lain sekiranya pencetak atau peralatan yang berkaitan dengan sistem SDPX yang digunakan di mana-mana pejabat pelabuhan rosak menyebabkan pemohon terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama.

7.2.6 Wakil Pengarah Bahagian HEPP juga memaklumkan bahawa penerangan berkenaan kursus SDPx juga dijalankan secara berterusan di setiap wilayah. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa masih terdapat agensi yang membuat aduan berkenaan transaksi *sign on/off* setiap satu krew RM 50.00 sedangkan caj untuk transaksi berkenaan adalah RM 50.00 bagi satu transaksi. Pengarah Bahagian HEPP telah mengeluarkan surat penjelasan ke semua wilayah berkenaan dengan caj transaksi *sign on/off*. Penjelasan yang lebih jelas berkenaan transaksi *sign on/off* hendaklah dilakukan kepada syarikat perkapalan atau agennya.

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan.

7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

7.3.1 Memastikan keberkesanan alat bantuan pelayaran iaitu '*availability/reliability* mencapai tahap mengikut panduan *International Association of Lighthouse Authorities (IALA)*'. Objektif kualiti adalah tercapai.

- a. faktor ketersediaan bagi 11 rumah api di Semenanjung Malaysia adalah 100%.
- b. faktor ketersediaan bagi 49 tandarah suar yang terdapat di Wilayah Tengah ialah 99.96%.
- c. faktor ketersediaan bagi 71 buah pelampung yang ditempatkan di Wilayah Tengah ialah 99.98%.

7.3.2 Sistem Keselamatan Alur Pelayaran – tiada projek pengerukan.

7.3.3 Bagi kerja ukur hidrografi, kesemua kerja lapangan dan pemprosesan data telah siap di Sungai Sitiawan (Oktober 2009), Tg. Lembong (Disember 2009), Kuala Kedah dan Kuala Perlis (Januari 2010) dan Muar (Februari 2010).

Tindakan: Makluman.

8. Laporan Aduan/Maklumbalas Pelanggan.

8.1 Bahagian Kawalan Industri.

8.1.1 Bagi aktiviti proses pendaftaran kapal, tiada aduan atau maklumbalas pelanggan diterima bagi tempoh September – Disember 2009.

8.1.2 Terdapat 27 borang maklumbalas diterima bagi aktiviti ISM bagi tempoh September hingga Disember 2009. Secara keseluruhannya analisis maklumbalas yang diterima adalah sangat memuaskan. Tiada aduan atau cadangan diterima.

Tindakan: Makluman.

8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

8.2.1 Sebanyak 197 borang maklumbalas telah diterima dari pejabat-pejabat pelabuhan bagi tempoh Julai hingga Disember 2009. Secara keseluruhannya analisis mendapati kepuasan pelanggan adalah pada tahap amat baik. Terdapat beberapa cadangan dan aduan dari pelanggan iaitu:

- a. tambah kerusi di ruangan menunggu.
- b. menambah jumlah kakitangan yang bertugas untuk memendekkan masa menunggu.
- c. proses pengesahan lewat dan menunggu lama.
- d. menyelenggara penghawa dingin supaya pelaut lebih selesa menunggu dan berurusan.
- e. sistem komputer menghadapi masalah dan menyebabkan kelewatan

Tindakan: Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan/Pengarah Wilayah.

8.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8.3.1 Tiada maklumbalas pelanggan diterima bagi aktiviti pengerukan dan ukur hidrografi. Tuan Pengerusi mencadangkan supaya unit berkenaan mendapatkan maklumbalas dari Pilot, Nakhoda kapal dan lain-lain.

Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.

8.3.2 Sebayak 30 borang maklumbalas telah diterima bagi sistem pemaliman iaitu perkhidmatan rumah api/tandarah suar, pelampung pandu dan DGPS. Secara keseluruhannya pelanggan puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Tindakan: Makluman.

9. HAL-HAL LAIN.

9.1 Wakil Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran memaklumkan akan mencadangkan pindaan kepada proses kerja pengerukan bagi mengambil kira aktiviti joint survey dengan pihak kontraktor. Pindaan akan dikemukakan kepada WPK untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran.

9.2 En. Khairudin Abbas memaklumkan mesyuarat bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja KRA telah diadakan dan diPengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah. Ahli mesyuarat tersebut perlu mengambil tindakan dalam tempoh 2 minggu.

9.3 Pengarah Laut Wilayah Tengah telah membentangkan Pelan Strategik Jabatan bagi tempoh 2010 – 2015. Pelan tersebut diterima sebulat suara.

9.4 Pengarah ILPPPL mencadangkan supaya diwujudkan blog berkenaan dengan Pelan Strategik tersebut dengan tujuan dapat mengumpul maklumat dan maklumbalas dari semua peringkat kakitangan. Maklumat tersebut dapat digunakan untuk penambahbaikan pelan tersebut di masa akan datang. Mesyuarat bersetuju Pengarah ILPPPL dilantik sebagai *Administrator* bagi blog tersebut.

Tindakan: Makluman.

10. Penutup.

Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sekali lagi beliau meminta supaya semua dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya sistem kualiti jabatan berada pada tahap yang tinggi. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari.